



11 AUG, 2020

18 kenderaan diarah patah balik

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

18 kenderaan diarah patah balik

KUCHING: Sejumlah 18 kenderaan telah diarah berpatah balik kerana tidak memiliki surat kebenaran untuk merentas antara Zon 1 dan Zon 2, semalam.

Timbalan Ketua Menteri Datuk Amar Douglas Uggah berkata, sebanyak 1,054 jumlah kenderaan telah melalui sekatan jalan raya antara zon (1&2) yang diadakan di dua lokasi, di Daerah Simunjan dan Sri Aman.

"Daripada jumlah tersebut, 1,036 daripadanya telah mendapat kebenaran dan 18 telah diarah berpatah balik kerana tidak memiliki surat kebenaran," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media laporan harian Covid-19 di Sarawak di sini.

Katanya, pihak polis telah mengeluarkan sebanyak 11 notis kompaun kerana tidak mematuhi prosedur operasi standard (SOP).

"Notis kompaun yang dikeluarkan adalah di Kuching (5), Padawan (2), Betong (1), Limbang (1) Sarikei (1) dan Mukah (1).

"Manakala, terdapat satu tangkapan warganegara India di sebuah kedai besi buruk di Kota Samarahan kerana tidak mematuhi SOP di premis perniagaan," jelasnya.

Beliau menegaskan, Polis Diraja Malaysia (PDRM) akan terus memperketatkan SOP termasuk pemakaian pelitup muka di tempat awam.

"Hari ini (semalam) sebanyak 1,664 premis telah dipantau iaitu pasar raya (119), restoran (428), kilang (11), bank (102), pejabat kerajaan (62), penjaja (50), pasar tani/awam (86), tempat ibadah (80), tempat riadah (35), tapak pembinaan (12) dan lain-lain (679).

Seramai 626 anggota pematuhan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang terdiri daripada PDRM (299), Angkatan Tentera Malaysia [ATM] (49), Jabatan Sukarelawan Malaysia [RELA] (129), Anggota Pertahanan Awam Malaysia [APM] (101), Pihak Berkuasa Tempatan [PBT](34), Kementerian Kesihatan Malaysia [KKM] (10) dan lain-lain agensi (4).

"Hari ini (semalam) juga, terdapat enam sekatan jalan raya di lima daerah bersempena dengan Op Benteng iaitu di Lundu (2), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1).

"Daripada enam sekatan jalan raya tersebut, sebanyak 1,749 jumlah kenderaan telah diperiksa," ujarnya.



11 AUG, 2020

18 kenderaan diarah patah balik

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUCHING: Sejumlah 18 kenderaan telah diarah berpatah balik kerana tidak memiliki surat kebenaran untuk merentas antara Zon 1 dan Zon 2, semalam. Timbalan Ketua Menteri Datuk Amar Douglas Uggah berkata, sebanyak 1,054 jumlah kenderaan telah melalui sekatan jalan raya antara zon (1&2) yang diadakan di dua lokasi, di Daerah Simunjan dan Sri Aman. "Daripada jumlah tersebut, 1,036 daripadanya telah mendapat kebenaran dan 18 telah diarah berpatah balik kerana tidak memiliki surat kebenaran," katanya.